



UNIVERSITI  
KEBANGSAAN  
MALAYSIA  
*The National University  
of Malaysia*

جورنال التراث

**AL-TURATH**  
Journal of al-Qur'an and al-Sunnah

## AL-TURATH: JOURNAL OF AL-QURAN AND AL-SUNNAH

VOLUME 9 ISSUE 1 2024

E-ISSN 0128-0899



INDEXED BY MYJURNAL

Homepage: <https://www.ukm.my/turath/>



### Copyright Information:

This article is open access and is distributed under the terms of  
Creative Commons Attribution 4.0 International License.

### Publisher Information:

Research Centre for al-Quran and al-Sunnah  
Faculty of Islamic Studies  
The National University Of Malaysia  
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia  
Tel: +60 3 8921 4405 | Fax: +60 3 8921 3017  
Email: alturathjournal@gmail.com

### Journal QR Code :



# ***AL-HAYA' DALAM MEMBENDUNG PENINGKATAN MASALAH SOSIAL REMAJA MUSLIM***

***Al-Haya' in Mitigating the Escalation of Social Issues Among Muslim Youth***

**Fadzil Sohar<sup>1\*</sup>, Mohd Farhan Md Ariffin<sup>2</sup> & Nurain Nabila Suffian<sup>1</sup>**

<sup>1</sup> Pelajar Sarjana, Pusat Kajian Al-Quran dan Al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor. Malaysia.

<sup>2</sup> Pusat Kajian Al-Quran dan Al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor. Malaysia.

\*Corresponding author email: p106142@siswa.ukm.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.17576/turath-2024-0901-05>

---

## **Article history**

Received:

13/03/2024

Revised:

26/06/2024

Accepted:

28/06/2024

Published:

30/06/2024

## **Abstrak**

Kajian ini membicarakan tentang maksud *al-Haya'* dan perkaitannya dalam usaha membendung masalah sosial remaja Muslim bagi melahirkan modal insan berkualiti. Objektif kajian ini dilakukan adalah untuk mengenalpasti manifestasi *al-Haya'* yang dapat membantu remaja Muslim menahan diri secara dalaman daripada melakukan masalah-masalah sosial yang semakin membarah pada masa kini. Kaedah kajian yang digunakan ialah kajian kualitatif, dengan bersumberkan sorotan literatur data primer al-Quran dan hadith. Hasilnya melalui sifat *al-Haya'*, masalah sosial dapat dibendung melalui menjaga tutur kata, berpakaian sopan, menundukkan pandangan dan menjaga maruah diri.

**Kata Kunci:** *Al-Haya'*, masalah, sosial, remaja, Muslim



## Abstract

This study explores the significance of *al-haya'* and its role in addressing social challenges among Muslim youth, with the aim of fostering individuals of high moral character. The research objectives include identifying manifestations of *al-haya'* that facilitate internal restraint among Muslim adolescents, thereby mitigating contemporary social issues. Employing a qualitative research approach, this study draws insights from primary literature sources from al-Quran and Hadith. The findings underscore that adherence to *al-haya'*, manifested through respectful discourse, modest attire, modesty in gaze, and preservation of personal dignity, contributes significantly to the mitigation of social issues.

**Keywords:** *Al-Haya'*, problems, social, teenager, Muslim

## PENDAHULUAN

*Al-Haya'* ialah satu perkataan yang berasal daripada bahasa Arab, yang bermaksud malu. Menurut Ibn Qayyim (1999), malu berasal dari perkataan *hayaah* iaitu (hidup), tetapi ada juga pendapat selain itu yang mengatakan *al-Haya'* berasal daripada perkataan *al-hayaa* iaitu (hujan). Dengan maksud, apabila adanya hujan maka seluruh makhluk di muka bumi ini dapat hidup, dengan kata lain malu diibaratkan sebagai kunci kehidupan. Ringkasnya, apabila seseorang tidak memiliki rasa malu bererti dia telah mati. Namun, makna kedua ini tidak mashyur (Siti Solehah, 2018). Malu dalam kosa kata Melayu merujuk kepada aib, hina, rendah diri kerana membuat sesuatu yang salah atau tidak sopan (Zarina, Akmaliza & Ratna Rosyida, 2019). Manakala, mengikut pandangan sarjana Barat pula, sifat malu adalah perkara yang kolot, tidak mempunyai keyakinan diri dan tidak berjaya (Nur Anis Hanani, Latifah & Nurliyana, 2019).

Definisi remaja boleh dipecahkan kepada dua bahagian, iaitu definisi umum, dan definisi remaja daripada perspektif Islam. Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2005), remaja bermaksud peringkat umur mulai dewasa, sudah akil baligh, sudah cukup umur untuk berkahwin. Manakala menurut perspektif Islam, remaja dianggap sudah cukup umur atau diistilahkan sebagai baligh. Pada peringkat remaja, golongan ini mengalami peralihan zaman, antara zaman kanak-kanak dengan zaman dewasa. Pada peringkat usia remaja, berlaku perubahan yang pesat sama ada perubahan biologi, fizikal, mental dan emosi serta perubahan tanggungjawab dan peranan (Fariza & Azyyati, 2015). Zaman remaja juga dikatakan satu bentuk proses bagi mencapai atau memperolehi sikap dan kepercayaan bagi penglibatan yang berkesan dalam masyarakat (Azizi, 2011)

Sifat malu mempunyai dua kesan iaitu membawa kepada perkara positif dan negatif. Dalam Islam, sifat malu iaitu *al-Haya'* merupakan akhlak mahmudah yang dianjurkan Islam dilihat lebih kepada sudut pandang aspek positif. Hal ini demikian kerana, *al-Haya'* merupakan pendorong seseorang menghindari perbuatan yang keji disebabkan rasa malu kerana melakukan perkara yang hina, dan rasa tidak selesa apabila perbuatan buruk diketahui orang lain. Sifat malu juga mempunyai kedudukan yang tinggi dalam Islam. Semakin tinggi rasa malu dalam diri, semakin tinggi martabat dan harga diri seseorang, kerana malu menjaga maruah seseorang dari dicemari oleh perbuatan yang buruk dan keji.

Pembentukan akhlak mulia sangat penting dalam membentuk generasi remaja berkualiti, lebih-lebih lagi dalam matlamat membentuk satu negara yang harmoni dan mampan. *Al-Haya'* perlu diterapkan dalam diri remaja muslim supaya menjadi benteng daripada melakukan masalah dalam kegiatan sosial.

## Skop dan Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan sebuah kajian kualitatif yang menghimpunkan makna dan fakta, serta pemahaman daripada sesuatu topik dengan menggunakan bahan-bahan primer yang berautoriti. Kajian ini merujuk kepada sumber-sumber yang diperoleh daripada internet seperti artikel-artikel, tesis jurnal dan sebagainya. Kajian ini melaksanakan kaedah tematik (bertema) yang mana ia merupakan pendekatan yang amat penting bagi pengkaji dalam mengumpulkan data-data yang diperlukan untuk memahami tentang konsep dan topik yang hendak dikaji.

## Masalah Sosial Remaja Masa Kini

Golongan remaja khususnya melihat media sosial sebagai satu trend terkini untuk mengisi aktiviti pada waktu luang di samping bersosial di alam maya. Namun penggunaan yang berlebihan akan membawa kepada kemudharatan. Menurut Jamiah et al., (2016) Media sosial sebenarnya sudah menjadi perkara yang wajib disetiap telefon pintar, bukan itu sahaja, seseorang yang tidak memiliki akaun media sosial dianggap sebagai jauh daripada radar trend zaman kini (Mohd Rafiuddin, Sasikumar, & Ajmaan @ Jimain, 2019). Sejak kebelakangan ini, pelbagai istilah baru muncul bagi menarik minat remaja seperti perkataan ‘challenge’ di aplikasi Tik Tok dan juga Bigo untuk melakukan aksi seperti menari, melompat dan sebagainya mengikut rentak lagu (Nurul Izzah, 2021).

Tarian di Tik Tok melibatkan pergerakan tangan, dada dan punggung yang berlatar belakang muzik. Bahkan, segelintir pemain Tik Tok bercampur gaul antara lelaki dan perempuan dalam merakam tarian dengan gaya yang memberaikan tanpa rasa malu. Hal ini jelas telah menimbulkan fitnah dan syahwat bagi sesiapa yang memandang. Ini bertentangan dengan syariat Islam sangat menitikberatkan batas-batas pergaulan dan penjagaan aurat sesama manusia dalam kehidupan seharian. Tuntasnya, membuat video tarian yang tidak menutup aurat dan menarik perhatian orang lain adalah jelas merupakan perkara sia-sia, ia boleh mendatangkan fitnah pada pemilik video dan juga mengurangkan nilai akhlak mulia dalam diri lebih-lebih lagi sebagai seorang muslim.

Isu kegiatan dalam salahlaku sosial bukan sahaja dilihat di media sosial. Bahkan di alam nyata juga berlakunya masalah kegiatan sosial. Sifat malu yang ada dalam diri remaja semakin lama makin terhakis disebabkan perbuatan yang keji ini telah dianggap satu kebiasaan. Pada masa lalu, masalah kegiatan sosial hanya berkisar di sekolah seperti ponteng sekolah, menconteng dinding, dan membuli. Namun, sejak akhir-akhir ini, salah laku sosial semakin menjadi-jadi dan berani, dengan melakukan perbuatan yang merendahkan maruah diri. Contohnya seperti berdua-duaan antara lelaki dan perempuan bukan mahram di tempat yang terbuka, berlumba haram dan merokok di tempat awam dengan memakai pakaian seragam sekolah. Kegiatan masalah sosial dalam kalangan remaja muslim ini bukan sahaja akan memberikan imej yang buruk terhadap diri sendiri, malah ia juga akan mencemarkan imej ibu bapa, sekolah, dan juga akan membawa tanggapan buruk terhadap agama.

Justeru, amatlah penting untuk membincangkan penyelesaian bagi isu kegiatan sosial dalam remaja muslim, dan apakah kaitan *al-Haya* dan penerapannya dalam jiwa remaja muslim bagi menangani masalah ini.

## Membendung Masalah Sosial Melalui Modal Insan Bersifat *Al-Haya*\*

Remaja Islam adalah merupakan salah satu harapan sesebuah negara dalam membentuk pemimpin-pemimpin negara yang berkhalib yang menjadikan Islam sebagai keutamaan dalam pemerintahannya. Namun, harapan ini diganggu gugat dengan isu-isu sosial yang dilakukan oleh remaja Islam kini, seperti zina, kes buli dan merokok. Berikutnya isu-isu ini, tindakan dengan

memupuk nilai murni dan akhlak yang baik kepada remaja Islam melalui pendidikan al-Quran dan Hadith sangat penting (Nur Anis Hanani , Latifah, & Nurliyana, 2019). Sebagai contoh, al-Quran telah menunjukkan bagaimana *al-Haya'* memainkan peranan penting dalam menjaga pergaulan antara lelaki dan perempuan. Firman Allah S.W.T:

﴿فَجَاءُتْهُ إِحْدَاهُمَا تُمْشِي عَلَى اسْتِحْيَاءٍ قَالَتْ إِنَّ أَيِّ يَدْعُوكَ لِيَخْرِيكَ أَجْرًا مَا سَقَيْتَ لَنَا فَلَمَّا جَاءَهُ وَقَصَّ عَلَيْهِ الْقَصَصَ قَالَ لَا تَحْفَظْ جَوْتَ مِنَ الْقَوْمِ الظَّالِمِينَ﴾ [القصص : 25]

Terjemahan: Kemudian salah seorang dari perempuan dua beradik itu datang mendapatkannya dengan berjalan dalam keadaan tersipu-sipu sambil berkata: “Sebenarnya bapaku menjemputmu untuk membalaud budimu memberi minum binatang ternak kami”. Maka ketika Musa datang mendapatkannya dan menceritakan kepadanya kisah-kisah kejadian yang berlaku (mengenai dirinya) berkatalah orang tua itu kepadanya: “Janganlah engkau bimbang, engkau telah selamat dari kaum yang zalim itu”

Hadith yang diriwayatkan oleh Abi Hurairah menyebut bahawa malu adalah cabang keimanan, sebagaimana sabda Rasulullah SAW:

عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ "إِيمَانُ بَضْعٍ وَسِتُّونَ شُعْبَةً، وَالْحَيَاةُ شُعْبَةٌ مِنَ الْإِيمَانِ".

Terjemahan: Dari Abu Hurairah dari Nabi SAW, baginda bersabda: “Iman memiliki lebih dari enam puluh cabang, dan malu adalah sebahagian daripada iman” (al-Bukhari, No. Hadith 9, Sahih)

Malu mempunyai kedudukan yang tinggi dalam kerangka akhlak masyarakat melayu. Namun, sifat malu ada juga yang disuruh dan ditegah dalam masyarakat melayu. Malu yang dituntut ialah seperti malu dari melakukan perkara yang tercela, contohnya, derhaka, khianat, dan bercakap kasar. Sementara malu yang ditegah ialah malu dalam menuntut ilmu, malu mengutarakan pendapat, malu melakukan kesalahan dan malu melakukan perkerjaan yang halal. Hal ini demikian kerana sifat malu kepada perkara yang baik ini kan memberikan impak yang negatif kepada perilaku dan membantutkan proses kemajuan seseorang. Dalam erti kata mudahnya, malu biar bertempat. Malu merupakan salah sifat keperibadian sosial masyarakat Melayu yang harus dikekalkan dan terus dipupuk (Zarina, Akmaliza, & Ratna Rosyida, 2019).

## Intervensi *al-Haya'* Terhadap Gejala Sosial

### Menjaga Tutur Kata

Ruangan komen di media sosial di banjiri dengan bahasa kesat dan kasar oleh pengguna media sosial yang rata-ratanya adalah dalam kalangan remaja, tidak dinafikan juga ada segelintir daripada mereka ialah remaja Islam. Kebanyakan komen-komen berbahasa kasar ini selalunya terdapat di *posting* yang mempunyai isu hangat, perbalahan dan perbezaan pendapat. Selain itu, komen komen yang lucah juga seringkali terpapar di media sosial dan yang menyedihihkan rata-rata daripada pengguna akaun yang menghantar komen itu dalam kalangan remaja. Keadaan ini amat merisaukan kerana ia akan mencerminkan sikap atau peribadi yang buruk terhadap orang Islam itu sendiri. Pantauan daripada ibu bapa amat diperlukan bagi memastikan anak-anak remaja mereka tidak terjebak dalam perbuatan ini, mereka perlu memantau bahasa yang digunakan oleh anak mereka sejak kecil lagi dan menerapkan sifat *al-haya'* ketika bersosial dengan menjaga laras bahasa dan tutur kata.

Jika seseorang itu mempunyai sifat *al-haya'* dalam diri nescaya mereka berasa malu untuk menulis komen yang berbaur lucah dan kasar seperti kata-kata yang pantang ataupun haram digunakan dalam pertuturan sehari-hari, mengotori media sosial. Contohnya, perkataan yang berhubung kait dengan anggota badan atau anggota sulit (Nik Muhammad Izuddin, Pulavendran Vijaya, & Kamarul Azmi, 2019). Jika kita biarkan perkara ini terus berlarutan maka, akan

terlahirlah generasi yang bahasa nya sentiasa kasar, perbualan lucah dianggap normal dan kurang sifat hormat menghormati sesama manusia. Kesannya juga, akan mencemarkan maruah dan nama pemilik akaun itu sendiri. Melihat kepada isu ini penerapan sifat *al-haya'* dalam kalangan remaja muslim amatlah penting dalam mencegah daripada berlakunya masalah sosial yang melibatkan penggunaan bahasa kasar dan lucah di media sosial.

### Berpakaian Sopan

Islam telah menggariskan panduan kepada seluruh umat Islam baik lelaki maupun perempuan tentang batasan-batasan aurat yang perlu dipatuhi untuk menjaga kehormatan dan maruah diri mereka. Islam telah menggariskan beberapa ciri-ciri utama yang perlu diikuti. Cara berpakaian yang melambangkan seseorang itu berakhlek dengan akhlak Islam ialah, pakaian yang tidak jarang iaitu yang tidak menampakkan warna kulit dan longgar iaitu tidak ketat sehingga menampakan bentuk tubuh badan pakaian yang labuh menutup anggota aurat yang ditetapkan (Mohd Fadhil & Mardzelah, 2021).

Namun, remaja Islam kini dilihat berpakaian hanya sekadar ‘membalut aurat’ bukannya menutup aurat di media sosial maupun di luar media sosial. Hal ini demikian kerana mereka tidak mengambil berat berkenaan garis panduan yang telah ditetapkan oleh Islam selain adanya pengaruh barat dan pengaruh luar dalam berfesyen seperti berpakaian nipis dan ketat. Kadangkala, mereka lebih mementingkan fesyen daripada tujuan menutup aurat itu sendiri. Sehubungan itu, dengan menghadirkan sifat *al-haya'* dalam diri remaja maka timbul rasa malu untuk mempertontonkan tubuh badan mereka kepada khalayak ramai dan orang bukan mahram (Siti Solehah, 2018), yang membawa kepada rasa takut kepada Allah dengan merasakan Allah Maha Melihat yang sentiasa memperhatikan tindak tanduk mereka.

### Menundukkan Pandangan

Dalam lambakan media sosial yang menjadi tatapan harian setiap manusia, pastinya pandangan mata seseorang hamba itu perlulah dijaga berlandaskan batas syarak yang sangat jelas demi memelihara iman. Selain itu, masalah menonton video ponografi juga semakin berleluasa lebih-lebih lagi di zaman media di hujung jari. Pandangan mata yang tidak dijaga umpsama racun, yang akan menjalar dalam badan, sekali gus membinaaskan tubuh seseorang hamba kerana pandangan maksiat terhadap perkara yang tidak halal baginya. Remaja Islam lelaki dan tidak terkecuali perempuan, mestilah menjaga pandangan penglihatan mereka daripada menonton video atau gambar lucah atau mendedahkan aurat kerana selain arahan menutup aurat Allah juga memerintahkan kita agar sentiasa memelihara dan menjaga pandangan daripada melihat perkara-perkara yang haram.

Antara langkah yang boleh dilakukan ialah membaca Al-Quran dan merenung alam semesta. Apabila remaja muslim mengambil langkah-langkah ini untuk menundukkan pandangan nescaya sifat *al-haya'* dalam diri akan terus terpupuk dalam usaha mengurangkan lagi masalah sosial remaja seperti perzinaan dan menonton video-video lucah dan sebagainya. Umumnya, masalah sosial remaja seperti berzina dan pergaulan bebas adalah disebabkan kegagalan mengawal diri dari memandang dan menundukkan pandangan dalam melihat kepada perkara-perkara maksiat. Hal yang demikian, akan hadir rasa malu terhadap Allah dengan meyakini bahawa Allah Maha Melihat walaupun tiada orang di sekelilingnya yang mengetahui apa yang sedang ditonton. Apabila seseorang itu menundukkan pandangannya, maka hatinya akan menundukkan nafsunya. Sebaliknya, jika dia membebaskan pandangannya, nescaya hatinya akan membebaskan syahwatnya (Defry, 2019).

### Menjaga Maruah Diri dan Keluarga

Manusia yang bermaruah adalah manusia yang mempunyai jati diri. Maruah diri merupakan perkara yang sangat penting kerana dengan menjaga maruah seseorang itu akan dihormati oleh orang sekeliling mereka. Islam telah menggariskan panduan seperti adab pergaulan antara lelaki

dan perempuan dan cara berpakaian yang sebenarnya dengan satu tujuan yang sama iaitu menjaga maruah diri. Apabila remaja mengambil berat tentang perihal maruah diri, gejala sosial seperti gejala seksual tidak akan berlaku. Bermula dengan pandang-memandang kemudia borak kosng, berjumpa dan seterusnya tergelincir dalam lembah kehinaan.

Masalah ini melibatkan maruah diri remaja dan keluarga mereka dalam kalangan masyarakat. Anataranya, kehamilan anak luar nikah juga merupakan perkara yang malang bagi remaja dan keluarga mereka, serta anak yang dikandungi dan dilahirkan (Jasmi & Kamarul, 2017). Bukan itu sahaja, ia juga akan mencemarkan imej agama islam, yang akan memberikan tanggapan buruk terhadap orang muslim yang lain. Justeru, ibu bapa mestilah berperanan penting dalam memupuk diri remaja sejak mereka kecil berkaitan adab pergaulan dan berpakaian suapaya mereka terdidik dalam diri untuk menjaga maruah diri.

## KESIMPULAN

Masalah sosial remaja yang kian meruncing saban hari, memerlukan kerjasama semua pihak dalam memberi kesedaran dan pemahaman mempraktikkan *al-haya'* dalam kehidupan harian remaja sejak mereka masih kecil. Pemantapan sifat *al-haya'* adalah satu pendekatan yang sangat berkesan dan relevan dalam membendung masalah sosial ini., *al-haya'* dapat diterapkan dengan menundukkan pandangan, menutup aurat dengan sempurna dan menjaga pergaulan. Selain itu, tahap keimanan juga dapat dibentuk dari rasa malu yang dimiliki oleh seseorang, pentingnya sifat malu dan sewajarnya kita memiliki sifat itu. Malu bukan kerana kekurangan atau kelemahan diri di mata manusia sahaja, tetapi malu tanda iman kepada Allah yang menyebabkan kita sentiasa ingin melakukan amalan yang direndai Allah. Jika kita dapat mengurangkan masalah sosial remaja, kita dapat melahirkan remaja yang berakhhlak mulia dan mampu menjadi contoh kepada generasi seterusnya. *Al-Haya'* ialah merupakan satu aspek yang penting yang seringkali kita lupakan dalam norma kehidupan yang sebenarnya ia amat penting dalam membentuk satu peribadi mulia, yang seterusnya dapat memelihara dan menajaga maruah diri, keluarga, negara dan agama.

## Penghargaan

Makalah ini merupakan sebahagian hasil penyelidikan di peringkat Sarjana. Terima kasih diucapkan kepada Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia atas sokongan sepanjang pengkajian dilakukan.

## Sumbangan Pengarang

Konseptualisasi & metodologi, Fadzil Sohar; Analisis data, Mohd Farhan Md Ariffin; Pengumpulan data, Nurain Nabila Suffian, Penulisan deraf awal, Nurain Nabila Suffian & Fadzil Sohar; Semakan dan penyuntingan, Mohd Farhan Md Ariffin. Semua pengarang telah membaca dan bersetuju menerima versi manuskrip yang diterbitkan.

## Konflik Kepentingan

Tidak berkenaan

## Deklarasi Penggunaan AI

Tidak berkenaan

## Rujukan

- Al-Bukhari, Muhammad bin Ismail. 1986. *Sabib al-Bukhari*. Kaherah: Dar al-Ta'sil & Markaz al-Buhuth wa Taqniyat al-Ma'lumat.
- Al-Jauziyah, Ibn al-Qayyim. 1999. *Madarijus Salikin*. Jakarta: Pustaka Al-Kautsar.
- Azizi, H. 2011. Definisi Remaja dan Pembentukan Konsep Kendiri dalam Hubungannya Dengan Keluarga. 1. [Definisi remaja dan pembentukan konsep kendiri.pdf \(utm.my\)](#)
- Defry, Y. 2019. Perspektif Al-Qur'an Tentang Ghadd Al-Basar. *Program Studi Ilmu Al-Qur'an Tafsir, Fakultas Ushuluddin dan Studi Agama Universitas Islam Negeri Sultan Thaha Saifuddin Jambi*, 38.
- Fariza, M. & Azyyati, M. 2015. Pendekatan Psikologi Dakwah Dalam Menangani Remaja Berisiko: Fokus Pendekatan Bimbingan Jiwa. *Jurnal Hadhari*. 7(2): 64.
- Jasmi & Kamarul, A. 2017. Masalah Seksual Dalam Kalangan Remaja dan Penyelesaiannya dalam *Remaja Hebat Siri 4: Batasan dan Halangan Kecemerlangan*, 35-59. Skudai: Penerbit UTM Press.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. 2005. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Fadhil, A. & Mardzelah, M. 2021. Pengaruh Media Sosial Terhadap Penampilan Akhlak. *International Journal of Education Psychology and Counselling*, 80.
- Mohd Rafiuddin, M., Sasikumar, K. & Ajmaan @ Jimain, S. 2019. Media Sosial dan Generasi Muda Menurut Islam. *Prosiding Seminar Sains Teknologi dan Manusia 2019 (SSTM'19)*, 90.
- Nik Muhammad Izuddin, N., Pulavendran Vijaya, K. & Kamarul Azmi, J. 2019. Media Sosial dan Impak kepada Perkembangan Bahasa Menurut Islam. *Prosiding Seminar Sains Teknologi dan Manusia 2019 (SSTM'19)*, 202-203.
- Nur Anis Hanani , M., Latifah, A. & Nurliyana, M. 2019. Relevansi Sifat al-Haya' dalam Pemantapan Akhlak Generasi Z . *Jurnal al-Turath*. 4(1): 10.
- Nurul Izzah, N. 2021. Impak Media Sosial Terhadap Keruntuhan Akhlak. *Proceedings of International Conference on Language, Education, Humanities & Social Sciences*, 102.
- Siti Solehah, A. 2018. Konsep Al-Haya' Menurut Perspektif Sunnah. *Proceeding of The International Conference On Contemporary Issues In Al-Quran And Hadith 2018 (THIQAH 2018)*, 433.
- Zarina, M., Akmaliza, A. & Ratna Rosyida, A. 2019. Sifat Malu Dalam Kerangka Akhlak Melayu. *Jurnal Hadhari*. 11 (2): 233.